



SUNGAI di Tampin yang bakal dinaik taraf bagi mengelak berulangnya kejadian banjir.

# RM300,000 tangani banjir

Bit 7/10/08 M/s 39

## JPS Tampin laksana projek mendalam, bersih tebing sungai

Oleh Jaafar Mulup

bhnews@bharian.com.my

**T**AMPIN: Masalah banjir yang sering melanda beberapa kawasan di daerah ini akibat limpahan air sungai dijangka dapat diatasi tidak lama lagi apabila kerja naik taraf beberapa sungai yang menelan belanja keseluruhan hampir RM300,000 siap sepenuhnya.

Projek mendalam dan membersihkan tebing sungai sepanjang kira-kira 40 kilometer itu membabitkan Sungai Gemencheh dengan jarak kerja 10 kilometer, Sungai Gemas sejauh tujuh kilometer, Sungai Tampin, Sungai Air Kuning dan Sungai Pador, masing-masing sepanjang lima kilometer dan Sungai Keru, tiga kilometer.

Jurutera Daerah Jabatan

Pengairan dan Saliran (JPS) Tampin, Rezuan Jaamat, berkata hujan lebat menyebabkan beberapa kampung dilanda banjir atau banjir kilat kerana keadaan sungai cetek akibat dipenuhi lumpur, pasir dan sampah sarap akibat pembangunan tidak terkawal dan perbuatan manusia membuang sampah sarap.

“Sebagai contoh, beberapa kampung di pinggir bandar ini, iaitu Kampung Dusun, Kampung Batu Belang dan Kampung Ulu Cenderam dilanda banjir kilat yang amat teruk, tidak pernah terjadi sejak 20 tahun lalu akibat faktor terbabit,” katanya.

Kawasan lain yang sering dilanda banjir, katanya, termasuk Kampung Ladang, Kampung Ulu Ladang, Kampung Bangka Ulu, Kampung Londah, Kampung Baru Ti-

ong, Taman Sungai Gemas, pekan Gemas dan kawasan Felda Sungai Kelamah di Gemas.

Di Gemencheh pula membabitkan Taman Regent, Kampung Baru Air Kuning, Taman Semarak, Jalan Air Kuning Selatan ke Felda Bukit Jalur, Sungai Dua dan Kampung Geduk Sawah, manakala Kampung Keru, Kampung Jeram, Kampung

Dusun dan Kampung Batu Belang adalah kawasan yang sering dinaiki air di Tampin.

Redzuan berkata, kebanyakan sungai terbabit terletak dalam tanah milik individu dan timbul masalah untuk melaksanakan kerja melurus sistem saliran itu kerana tidak dibenarkan oleh pemilik tanah kecuali diberi pampasan, sekali gus menyebabkan projek menanggung kos tinggi dan mengambil masa lama.

Beliau juga menasihatkan orang ramai, terutama yang tinggal berhampiran sungai supaya tidak membuang sampah sarap ke dalam sistem saliran itu kerana ia bukan saja menyebabkan sungai tercemar, malah mengakibatkan pencemaran, terutamanya menjejaskan kualiti air.

**“**Hujan lebat menyebabkan beberapa kampung dilanda banjir atau banjir kilat kerana keadaan sungai cetek”

**Rezuan Jaamat**  
Jurutera JPS Tampin